

## Tragedi banjir di Baling

# Kerajaan pantau pelaksanaan bantuan elak kelewatan

BH- 11/7/2022 m/s: 4

**Kuala Lumpur:** Kerajaan memantau pelaksanaan bantuan yang diumumkan sebelum ini kepada mangsa banjir di Baling, Kedah, terutama baik pulih rumah terjejas.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata pemantauan itu bagi memastikan tidak berlaku kelewatan khususnya bantuan membabitkan pembaikan rumah.

“Selepas banjir berlaku petang itu (4 Julai), pagi esoknya (5 Julai) kita umum beri bantuan tunai kepada mereka (mangsa), tetapi yang penting adalah rumah, apabila roboh perlu disegerakan dari segi pembinaan baharu atau baik pulih rumah.

ling penting, selain bantuan kewangan,” katanya selepas menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Wilayah Persekutuan di sini, semalam.

Pada 5 Julai lalu, Ismail Sabri mengumumkan pemberian bantuan awal kepada 1,490 mangsa banjir terdiri daripada 112 ketua isi rumah membabitkan bantuan awal wang ihsan berjumlah RM1,000, bantuan barangan keperluan asas (RM2,500), bantuan barangan elektrik (RM500) serta pembaikan rumah.

Pada 4 Julai lalu, beberapa kawasan di Baling dilanda banjir selepas hujan lebat berterusan selama tiga jam menyebabkan 1,490 penduduk terjejas, selain meragut tiga nyawa. BERNAMA



Ismail Sabri menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Wilayah Persekutuan, semalam.

(Foto BERNAMA)